



Headline	Bela nasib pasangan kembar		
MediaTitle	Harian Metro (Johor)		
Date	08 Mar 2013	Color	Full Color
Section	News	Circulation	289,315
Page No	34	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	346 cm ²
Journalist	Zul Ikhwan Muhammad	AdValue	RM 9,344
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,033



MAIJ sumbang RM2,000 sebagai persediaan adik-beradik masuk IPT

Oleh Zul Ikhwan Muhammad
am@hmetro.com.my

Nasib pasangan kembar dari Kampung Baru, Penyabong, di sini, yang baru kematian bapa untuk melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi (IPT) terbela apabila Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) menyalurkan bantuan RM2,000 kepada mereka sebagai persediaan awal memasuki IPT berkenaan.

Muhammad Haiyat Sanusi dan Muhammad Aizat, 20, yang kematian bapa sebulan lalu akibat masalah buah pinggang hanya bergantung kepada ibu, Zabedah Salim, 59, yang berniaga ikan bakar di pantai Penyabong untuk meneruskan pengajian.

Muhammad Haiyat akan melanjutkan pelajaran di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) manakala Muhammad Aizat pula di Universiti Kuala Lumpur (UNIKL).

Bantuan awal IPT MAIJ itu disampaikan Pengerusi Jawatankuasa Agama negeri Datuk Zainal Abidin Osman di rumah mereka, kelmarin.

Muhammad Haiyat menyifatkan bantuan itu sebagai perangsang untuk berusaha lebih gigih seterusnya menamatkan pengajian dengan cemerlang bagi membela nasib ibu.

"Kami bersyukur dengan bantuan wang pendahuluan

ini, sekurang-kurangnya ia membantu meringankan beban ibu yang terpaksa bekerja keras bagi menampung perbelanjaan kami sementara menunggu kelulusan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)," katanya.

Zabedah pula terharu dengan bantuan berkenaan kerana tidak menyangka ia diluluskan tidak sampai sebulan selepas membuat permohonan di Pejabat MAIJ Daerah Mersing.

"Saya bersyukur kerana sumbangan ini memang membantu anak untuk membeli barangan keperluan pembelajaran. Terima kasih kepada semua pihak kerana prihatin dengan nasib kami," katanya.

Sementara itu Zainal Abidin berkata, kerajaan melalui MAIJ sudah lama mengagihkan bantuan kepada asnaf yang melanjutkan pelajaran

Kerajaan tidak pernah hanya membuat janji untuk memberi bantuan"

Zainal Abidin Osman

sama ada di dalam atau luar negara.

"Ia berbentuk tajaan atau bantuan awal bagi penuntut yang baru mendaftar di IPT. Kerajaan tidak pernah melancarkan slogan dan hanya membuat janji untuk memberi pelbagai bantuan," katanya.

Menurut Zainal Abidin, sepanjang 2012, lebih RM100 juta diagihkan MAIJ kepada asnaf yang memerlukan termasuk dalam bentuk bantuan pendidikan.

"Kerajaan sudah lama melaksanakan dasar ini kepada penuntut yang baru mendaftar di IPT, malah agensi kerajaan yang lain juga ada memberi bantuan sama untuk golongan ini," katanya.

FAKTA
Sepanjang 2012 lebih RM100 juta diagihkan MAIJ kepada asnaf yang memerlukan